



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)
JABATAN PENDIDIKAN SWASTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PELAJARAN KANAN
JABATAN PENDIDIKAN SWASTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.15 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Awam dan Pentadbiran / *Human Resource Development* / Pendidikan / Pengurusan / Sains Komputer / Teknologi Maklumat atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah:

- i) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.



4. Mempunyai pengetahuan tentang projek-projek Kementerian Pendidikan seperti SPN21, *Programme for International Student Assesment (PISA)*, *Literacy* dan *Numeracy*.
5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menguatkuasa Akta Pendidikan (Penggal 210) dan Peraturan-Peraturan Subsidiari di bawahnya dan Akta Pendidikan Wajib (Penggal 211);
2. Mengawalselia Institut Pendidikan Swasta (IPS) dengan memastikan semua IPS (Formal dan Bukan Formal) memahami dan mematuhi Akta Pendidikan (Penggal 210), Akta Pendidikan Wajib (Penggal 211) dan Dasar Pendidikan (2004) dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan di Negara Brunei Darussalam;
3. Melawat atau memantau IPS beserta laporan, rumusan atau cadangan mengenai kepimpinan sekolah, pengajaran guru dan pembelajaran pelajar dilaksanakan dengan berkesan;
4. Menyediakan sistem sokongan yang efektif bagi membolehkan IPS memberi dan menyampaikan perkhidmatan pendidikan yang efektif, berkesan, efisien dan berkualiti;
5. Memantau dan menyelaras perjalanan aktiviti atau program yang dikendalikan oleh sekolah atau institusi dalam daerah atau zon masing-masing agar tidak bercanggah dengan ajaran Agama Islam dan Falsafah Melayu Islam Beraja;
6. Menjadi Pegawai Penyelaras bagi Ahli Jawatankuasa Penilai atau menemuduga guru-guru yang akan berkhidmat dengan IPS;
7. Menyediakan hala tuju Jabatan Pendidikan Swasta melalui peranan yang jelas di samping penyediaan, perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Swasta ke arah mencapai visi dan misi Kementerian Pendidikan;



8. Membantu dan memudah cara permohonan IPS dengan kerjasama dengan agensi-agensinya yang berkaitan baik dari segi penubuhan baharu bagi meningkatkan penglibatan pihak swasta dalam bidang pendidikan dan menggalakkan institusi berdaftar untuk memperkembangkan perkhidmatan yang diberikan seperti permohonan tanah pajakan, penambahan peringkat persekolahan, penambahan bangunan, program kursus, latihan dan aktiviti sekolah; dan
9. Melaksana Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Swasta 2023-2028 dan menilai kejayaan pelaksanaan serta menyemak dan mengenal pasti strategi / program / inisiatif bagi memperbaiki pencapaian pelaksanaannya.